

Kosmo 11/8/06 (MS11)

Siswazah menganggur 60,000 orang

PUTRAJAYA - Jumlah siswazah yang menganggur kekal dalam lingkungan 60,000 orang, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, angka itu mewakili 40 peratus daripada jumlah siswazah yang sekian lama menganggur, termasuk mereka yang baru menghabiskan sesi pengajian bulan lepas.

Katanya, kumpulan itu terdiri da-

ripada golongan yang tidak ingin bekerja, melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan sememangnya tidak mendapat pekerjaan.

Jumlah ini bagaimanapun tidak tetap disebabkan perubahan yang cepat dan dinamik dalam pasaran kerja, kata Mustapa selepas melancarkan Sistem Kajian Pengesanan Siswazah Institusi Pengajian Tinggi Secara Atas Talian di

sini semalam.

Sistem itu yang dibangunkan oleh pensyarah dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Jabatan Pengurusan IPT kementerian bertujuan melihat destinasi sektor pekerjaan pertama siswazah serta meninjau tahap *employability* dan *marketability* siswazah.